

IN WITNESS THEREOF the undersigned, duly authorised thereto, by their respective Governments, have signed this Agreement.

DONE in duplicate at Tehran this 11th day of November 1992, each in Bahasa Malaysia, Persian language and the English languages, the three texts being equally authentic. In the event of there being a dispute in the interpretation and the application of this Agreement, the English text shall prevail.

For the Government of
Malaysia

For the Government of
the Islamic Republic of Iran

Made 15 December 2003
[Perb. 0.6869/54 Vol. 2(87); PN(PU³)80/XXXIII]

DATO' DR. JAMALUDIN BIN MOHD JARJIS
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 132(6) of the Income Tax Act 1967 and subsection 65A(5) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967]

P.U. (A) 60.

**AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967
DAN
AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967**

**PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (KERAJAAN REPUBLIK ISLAM IRAN)
(PINDAAN) 2004**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 132(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] dan subseksyen 65A(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Republik Islam Iran) (Pindaan) 2004**.

Pelepasan cukai dua kali

2. Adalah diisytiharkan bahawa perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Islam Iran dengan tujuan meminda perkiraan yang terdahulu yang memberikan pelepasan cukai dua kali berhubung dengan cukai Malaysia dan cukai Republik Islam Iran (sebagaimana yang ditakrifkan dalam setiap hal dalam perkiraan itu) dan adalah suai manfaat perkiraan itu dikuatkuasakan.

JADUAL
(Perenggan 2)

PROTOKOL YANG MEMINDA PERJANJIAN ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DENGAN KERAJAAN REPUBLIK ISLAM IRAN BAGI MENGELAKKAN PENCUKAIAN DUA KALI DAN MENCEGAH PELARIAN FISKAL BERKENAAN DENGAN CUKAI ATAS PENDAPATAN YANG DITANDATANGANI DI TEHRAN PADA 11^{HB} NOVEMBER 1992 (20 ABAN 1371)

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Islam Iran berhasrat untuk membuat suatu Protokol bagi meminda Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Islam Iran bagi mengelakkan pencukaian dua kali dan mencegah pelarian fiskal berkenaan dengan cukai atas pendapatan, yang ditandatangani di Tehran pada 11 November 1992 (20 ABAN 1371) (kemudian daripada ini disebut “Perjanjian”), telah bersetuju seperti berikut:

Perkara 1

Perkara 2 Perjanjian dipinda dengan menggantikan perenggan 3 dengan yang berikut:

“3. Cukai yang sedia ada yang menjadi perkara Perjanjian ini ialah:

(a) di Republik Islam Iran:

- (i) cukai pendapatan; dan
- (ii) cukai harta;

(kemudian daripada ini disebut “cukai langsung Republik Islam Iran”);

(b) di Malaysia:

- (i) cukai pendapatan; dan
- (ii) cukai pendapatan petroleum;

(kemudian daripada ini disebut “cukai Malaysia”).”.

Perkara 2

Perkara 28 Perjanjian digantikan dengan yang berikut:

“Perkara 28

PERMULAAN KUAT KUASA

Perjanjian ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh Negara Pejanji bertukar nota melalui saluran diplomatik yang memberitahu satu sama lain bahawa tatacara sedemikian yang terakhir telah dilakukan sebagaimana yang perlu untuk memberi Perjanjian ini kuat kuasa undang-undang di Republik Islam Iran dan

Malaysia, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan dengan itu Perjanjian ini hendaklah mempunyai kuat kuasa:

- (a) di Republik Islam Iran, berkenaan dengan cukai langsung Republik Islam Iran:
- (i) bagi cukai yang boleh dikenakan bagi mana-mana tahun yang boleh dicukai bermula pada satu atau selepas hari pertama bulan Januari dalam tahun kalendar berikutnya yang menyusuli tahun Perjanjian ini mula berkuat kuasa; atau
 - (ii) bagi cukai yang boleh dikenakan bagi mana-mana tahun yang boleh dicukai bermula pada atau selepas hari pertama bulan Januari dalam tahun kalendar kedua berikutnya yang menyusuli tahun Perjanjian ini mula berkuat kuasa,

mengikut mana-mana yang terpakai;

- (b) di Malaysia, berkenaan dengan cukai Malaysia:
- (i) bagi cukai yang boleh dikenakan bagi mana-mana tahun taksiran bermula pada atau selepas hari pertama bulan Januari dalam tahun kalendar yang menyusuli tahun Perjanjian ini mula berkuat kuasa; atau
 - (ii) bagi cukai yang boleh dikenakan bagi mana-mana tahun taksiran bermula pada atau selepas hari pertama bulan Januari dalam tahun kalendar kedua yang menyusuli tahun Perjanjian ini mula berkuat kuasa,

mengikut mana-mana yang terpakai.”.

Perkara 3

Perkara 29 Perjanjian digantikan dengan yang berikut:

“Perkara 29

PENAMATAN

Perjanjian ini hendaklah terus berkuat kuasa bagi tempoh masa yang tidak terhad, tetapi salah satu Negara Pejanji boleh menamatkan Perjanjian ini, melalui saluran diplomatik, dengan memberi Negara Pejanji yang satu lagi notis penamatan secara bertulis pada atau sebelum 30hb Jun dalam mana-mana tahun kalendar selepas tempoh lima tahun dari tarikh Perjanjian ini mula berkuat kuasa. Dalam keadaan sedemikian Perjanjian ini hendaklah terhenti berkuat kuasa:

- (a) di Republik Islam Iran, berkenaan dengan cukai langsung Republik Islam Iran:
- (i) bagi cukai yang boleh dikenakan bagi mana-mana tahun yang boleh dicukai bermula pada atau selepas hari pertama bulan Januari dalam tahun kalendar berikutnya yang menyusuli tahun pemberian notis itu; atau

- (ii) bagi cukai yang boleh dikenakan bagi mana-mana tahun yang boleh dicukai bermula pada atau selepas hari pertama bulan Januari dalam tahun kalendar kedua berikutnya yang menyusuli tahun pemberian notis itu,

mengikut mana-mana yang terpakai;

(b) di Malaysia, berkenaan dengan cukai Malaysia:

- (i) bagi cukai yang boleh dikenakan bagi mana-mana tahun taksiran bermula pada atau selepas hari pertama bulan Januari dalam tahun kalendar yang menyusuli tahun pemberian notis itu; atau
- (ii) bagi cukai yang boleh dikenakan bagi mana-mana tahun taksiran bermula pada atau selepas hari pertama bulan Januari dalam tahun kalendar kedua yang menyusuli tahun pemberian notis itu,

mengikut mana-mana yang terpakai.”

Perkara 4

PEMAKAIAN PROTOKOL

1. Setiap Negara Pejanji hendaklah memaklumkan yang satu lagi penyempurnaan tatacara yang dikehendaki oleh undang-undangnya bagi menguatkuasakan Protokol ini yang hendaklah menjadi suatu bahagian perlu Perjanjian. Protokol ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang sama dengan Perjanjian.
2. Protokol ini hendaklah terhenti berkuat kuasa pada masa yang sama dengan terhentinya penguatkuasaan Perjanjian mengikut Perkara 29 Perjanjian.

PADA MENYAKSIKAN hal yang tersebut di atas, maka mereka yang bertandatangan di bawah ini, yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh Kerajaan mereka masing-masing telah menandatangani Protokol ini.

DIBUAT dalam pendua di Putrajaya pada 31 TIR 1381 Solar Hijra, bersamaan dengan 22 Julai 2002 dalam bahasa Melayu, Parsi dan Inggeris, ketiga-tiga teks sama sahnya. Sekiranya terdapat apa-apa perbezaan pentafsiran, teks bahasa Inggeris hendaklah dipakai.

Bagi pihak Kerajaan
Malaysia

Bagi pihak Kerajaan
Republik Islam Iran

Dibuat 15 Disember 2003
[Perb. 0.6869/54 Vol. 2(87); PN(PU²)80/XXXIII]

DATO' DR. JAMALUDIN BIN MOHD JARIJS
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 132(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan subseksyen 65A(5) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967]

INCOME TAX ACT 1967
AND
PETROLEUM (INCOME TAX) ACT 1967

DOUBLE TAXATION RELIEF (THE GOVERNMENT OF THE ISLAMIC REPUBLIC
OF IRAN) (AMENDMENT) ORDER 2004

IN exercise of the powers conferred by subsection 132(1) of the Income Tax Act 1967 [Act 53] and subsection 65A(1) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967 [Act 543], the Minister makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Double Taxation Relief (The Government of the Islamic Republic of Iran) (Amendment) Order 2004**.

Double taxation relief

2. It is declared that the arrangements specified in the Schedule have been made by the Government of Malaysia with the Government of the Islamic Republic of Iran with a view of amending the previous arrangements affording relief from double taxation in relation to Malaysian tax and Islamic Republic of Iran tax (as defined in each case in the arrangements) and that it is expedient that those arrangements shall have effect.

SCHEDULE

(Paragraph 2)

PROTOCOL AMENDING THE AGREEMENT BETWEEN THE GOVERNMENT OF MALAYSIA AND THE GOVERNMENT OF THE ISLAMIC REPUBLIC OF IRAN FOR THE AVOIDANCE OF DOUBLE TAXATION AND THE PREVENTION OF FISCAL EVASION WITH RESPECT TO TAXES ON INCOME SIGNED AT TEHRAN ON 11TH NOVEMBER 1992 (20 ABAN 1371)

The Government of Malaysia and the Government of the Islamic Republic of Iran, desiring to conclude a Protocol to amend the Agreement between the Government of Malaysia and the Government of the Islamic Republic of Iran for the avoidance of double taxation and the prevention of fiscal evasion with respect to taxes on income, signed at Tehran on 11 November 1992 (20 ABAN 1371) (hereinafter referred to as “the Agreement”), have agreed as follows:

Article 1

Article 2 of the Agreement is amended by substituting paragraph 3 with the following:

“3. The existing taxes which are the subject of this Agreement are:

(a) in the Islamic Republic of Iran:

(i) the income tax; and

(ii) the property tax;

(hereinafter referred to as the Islamic Republic of Iran direct tax);

(b) in Malaysia:

(i) the income tax; and

(ii) the petroleum income tax;

(hereinafter referred to as “Malaysian tax”).”.

Article 2

Article 28 of the Agreement is substituted with the following:

“Article 28

ENTRY INTO FORCE

This Agreement shall enter into force on the date on which the Contracting States exchange notes through the diplomatic channel notifying each other that the last of such procedures has been done as is necessary to give this Agreement the force of law in the Islamic Republic of Iran and Malaysia as the case may be, and thereupon this Agreement shall have effect:

(a) in the Islamic Republic of Iran, in respect of the Islamic Republic of Iran direct tax:

(i) to tax chargeable for any taxable year beginning on or after the first day of January in the calendar year next following the year in which this Agreement enters into force; or

(ii) to tax chargeable for any taxable year beginning on or after the first day of January of the second calendar year next following the year in which this Agreement enters into force,

whichever is applicable;

(b) in Malaysia, in respect of Malaysian tax:

(i) to tax chargeable for any year of assessment beginning on or after the first day of January in the calendar year following the year in which this Agreement enters into force; or

- (ii) to tax chargeable for any year of assessment beginning on or after the first day of January of the second calendar year following the year in which this Agreement enters into force, whichever is applicable.”.

Article 3

Article 29 of the Agreement is substituted with the following:

“Article 29

TERMINATION

This Agreement shall remain in effect indefinitely, but either Contracting State may terminate this Agreement, through diplomatic channels, by giving to the other Contracting State written notice of termination on or before June 30th in any calendar year after the period of five years from the date on which this Agreement enters into force. In such an event this Agreement shall cease to have effect:

(a) in the Islamic Republic of Iran, in respect of the Islamic Republic of Iran direct tax:

- (i) to tax chargeable for any taxable year beginning on or after the first day of January in the calendar year next following the year in which the notice is given; or
- (ii) to tax chargeable for any taxable year beginning on or after the first day of January of the second calendar year next following the year in which the notice is given,

whichever is applicable;

(b) in Malaysia, in respect of Malaysian tax:

- (i) to tax chargeable for any year of assessment beginning on or after the first day of January in the calendar year following the year in which the notice is given; or
- (ii) to tax chargeable for any year of assessment beginning on or after the first day of January of the second calendar year following the year in which the notice is given,

whichever is applicable.”.

Article 4

APPLICATION OF PROTOCOL

1. Each of the Contracting States shall notify to the other the completion of the procedures required by its law for the bringing into force of this Protocol which shall form an integral part of the Agreement. This Protocol shall enter into force on the same date as the Agreement.

2. This Protocol shall cease to have effect at such time as the Agreement ceases to have effect in accordance with Article 29 of the Agreement.

IN WITNESS whereof the undersigned, duly authorized thereto, by their respective Governments, have signed this Protocol.

DONE in duplicate at Putrajaya on 31 TIR 1381 Solar Hijra, corresponding to 22 July 2002 in the Malay, Persian and English languages, all texts being equally authentic. In the case of any divergence of interpretation the English text shall prevail.

For the Government of
Malaysia

For the Government of
the Islamic Republic of Iran

Made 15 December 2003
[Perb. 0.6869/54 Vol. 2(87); PN(PU²)80/XXXIII]

DATO' DR. JAMALUDIN BIN MOHD JARJIS
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 132(6) of the Income Tax Act 1967 and subsection 65A(5) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967]

P.U. (A) 61.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967
DAN
AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (KERAJAAN MAGHRIBI) 2004

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 132(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53] dan subseksyen 65A(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [Akta 543], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Maghribi) 2004**.

Pelepasan cukai dua kali

2. Adalah diisytiharkan bahawa perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Maghribi dengan tujuan memberikan pelepasan cukai dua kali berhubung dengan cukai Malaysia dan cukai Maghribi (sebagaimana yang ditakrifkan dalam setiap hal dalam perkiraan itu) dan adalah suai manfaat perkiraan itu dikuatkuasaka